

**TEKS UCAPAN KETUA PENGARAH, BHEUU DI MAJLIS  
PERHIMPUNAN BULAN JULAI 2018**

**Tarikh : 24 Julai 2018 ( Selasa)**

**Masa : 8.30 pagi**

**Tempat : Dewan Saksama, Aras 2  
BHEUU**

*Bismillahi Rahmani Rahim*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

*Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.*

**YBhg. Dato-dato, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh keberkatan ini. Semoga dengan pertemuan kita hari ini dapat memberi manfaat kepada kita semua untuk berbakti kepada agama, negara dan kesejahteraan Malaysia seluruhnya.
2. Saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada dato-dato, tuan-tuan dan puan-puan semua kerana sudi melapangkan masa menghadiri perhimpunan ini.

**Dato-dato, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,**

3. Bulan Syawal telah berlalu pergi meninggalkan kita. Tidak lama lagi, lebih kurang sebulan kita akan menempuh Hari Raya Qurban, Insyaa Allah pada 22 Ogos akan datang. Hari Raya Qurban ini adalah signifikan kepada kita kerana pada hari tersebut mengingatkan kita kepada peristiwa Nabi Ibrahim A.S. kerana sanggup berkorban anaknya Nabi Ismail A.S.
4. Konsep berkorban ini jika difahami dan dihayati serta dilaksanakan dalam kehidupan kita akan membawa kejayaan dalam apa jua bidang seperti pelajaran, perniagaan, tugas rasmi dan ibadah.

Berkorban masa dan tenaga akan membawa hasil dalam kehidupan.

5. Orang yang berjaya dalam hidupnya adalah mereka yang sanggup berkorban masa dan tenaga serta wang ringgit. Seorang ayah dan ibu sanggup berkorban demi kejayaan anak-anaknya dalam pelajaran dan kehidupan. Begitu juga seorang anak sanggup berkorban menjaga kedua-dua ibu bapa yang telah tua dengan penuh kasih sayang.
6. Sesuatu kejayaan itu memerlukan pengorbanan seperti suatu perjalanan yang jauh dan sukar. Sebahagian besar daripada sesuatu kejayaan itu adalah disebabkan pengorbanan tanpa mengira masa, tenaga dan wang. Orang yang tidak sanggup berkorban masa dan tenaga sukar untuk berjaya dalam kehidupan.
7. Kesungguhan bekerja, kesanggupan melakukan tugas-tugas melebihi masa adalah suatu pengorbanan. Pengorbanan dalam menjalankan tugas mencerminkan keikhlasan seterusnya menjadikannya sebagai satu ibadah.
8. Melakukan pengorbanan dengan mengenepikan kepentingan peribadi untuk memberi ruang dan peluang kepada orang yang lebih berhak menerimanya adalah terbaik untuk kita lakukan.
9. Dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab sebagai penjawat awam yang berkhidmat untuk negara, kita memerlukan dua sifat utama iaitu amanah dan pengorbanan ke arah kebaikan yang akan menjana kecemerlangan.

10. Dato-dato, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, pencapaian negara pada hari ini, tidak akan terhasil tanpa dasar dan inisiatif yang diperkenalkan oleh kepimpinan negara. Sebagai penjawat awam adalah menjadi amanah dan tanggungjawab kita dalam memastikan segala dasar dan inisiatif dapat dilaksanakan dengan sebaiknya sejajar dengan konsep merakyatkan Perkhidmatan Awam.
11. Penjawat awam merupakan entiti yang penting dalam masyarakat. Penjawat awam turut berperanan dan menyumbang kepada pembinaan dan pembangunan negara. Sumbangan ini meliputi segala aspek baik dari segi ekonomi, sosial, budaya atau pendidikan.
12. Pendek kata, penjawat awam merupakan tulang belakang kepada keutuhan dan kekuatan sesuatu bangsa dan negara. Oleh itu, adalah menjadi keutamaan penjawat awam untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan masing untuk terus menyumbang kepada bangsa dan negara.
13. Justeru dalam konteks pengorbanan penjawat awam khususnya warga kerja BHEUU, Mdl dan JBG perlu mengorbankan masa dan tenaga untuk meningkatkan produktiviti dan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Selain itu semua warga kerja perlu memberikan komitmen dalam meningkatkan mutu kerja yang berkualiti. Perlu diingatkan bahawa komitmen yang tinggi membawa kepada kecemerlangan perkhidmatan.

14. Berkorban tenaga dan masa serta ditambah dengan mengamalkan nilai-nilai hidup yang murni secara konsisten akan membawa hasil yang baik.
15. Akhir kata semoga kita selamat menjalankan tugas dengan cemerlang. Semoga hari-hari yang mendatang membawa rahmat buat kita semua. Sekian Wabillahitaufiq Walhidayah,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.